

## Negara Islam di Zaman Nabi dan di Abad yang Kedua Puluh.

Cita-cita untuk mendirikan sebuah Negara Islam memang telah lama terpendam di hati Nabi (S.A.W) dan para Sahabat. Cita-cita yang suci murni itu terus menyala-nyala di jiwa Nabi (S.A.W); sehingga dalam masa 23 tahun setelah Nabi berjuang mati-matian menyebarkan agama Allah, maka terbentuklah sebuah negara Islam sejati yang berpusat di kota Madinah al-Munawwarah. Kemudian daripada wafatnya, maka usaha baginda yang mulia itu disambung oleh para Sahabat sehingga negara Islam yang kecil terbatas itu mempunyai jajahan takluk yang lebar meluas dari Timur hingga ke Barat.

Oleh: Azmi

Kebangkitan Islam di zaman Nabi (S.A.W) terbahagi di atas dua zaman. Pertama terkenal dengan “Zaman Makkah”, berjalan selama 13 tahun, di mana selama itu Nabi Muhammad (S.A.W) hanya bekerja dan berusaha mengajar perkara-perkara yang bersungguh dengan iman dan tauhid semata-mata. Tegasnya baginda mengajar orang-orang yang beriman dalam soal mengenai agama sahaja.

Tetapi setelah tiba zaman kedua yang lebih dikenali dengan “Zaman Madinah” – berjalan selama 10 tahun – maka dari sejak itu perjuangan Nabi (S.A.W) sudah mulai meluas, meliputi urusan agama dan negara, dunia dan akhirat, seterusnya rohani dan jasmani. Pada hari pembukaan “Zaman Madinah” itu Nabi telah mendirikan sebuah masjid yang dinamakan “Masjid Quba” – yang terletak tidak berapa jauh dari kota Madinah – (inilah masjid yang pertama didirikan di dalam Islam). Kemudian dari itu sebuah masjid lagi dibina di tengah-tengah kota Madinah yang dinamakan “Masjid Nabawi”. Kedua-dua masjid tersebut adalah sebagai menjadi simbol keagamaan, dan selepas itu baginda pun mengumumkan berdirinya sebuah negara Islam yang berpusat di kota Madinah.

Nabi berpendapat bahawa agama dan politik negara merupakan suatu tenaga serumpun yang tak boleh dipisah-pisahkan antara keduanya: Nabi (S.A.W) telah berhasil mempersatukan perjuangan antara agama dan politik dalam masa sepuluh tahun sahaja, dengan mendirikan dasar-dasar yang asasi, memberikan sifat-sifat dan bentuk serta isi undang-undang dan tata negara yang konkrit yang wajib dimiliki oleh sesuatu negara. Dalam zamannya sebagai seorang kepala negara yang baharu muncul, baginda sudah mengirinkan wakil-wakil (duta-duta) istimewa kepada berbagai-bagai kabilah dan negara-negara yang berhampiran dan telah pernah pula menerima wakil-wakil istimewa dari luar negeri; sehingga terkenallah nama tahun bertukar-tukar wakil itu dengan nama “Sanah al-Wufūd”, (Tahun Perutusan).

Samada setuju atau tidak, para ahli sejarah dunia telah mengakui suatu kenyataan bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) telah berhasil membentuk sebuah negara Islam yang mempersatukan antara hukum-hukum agama dengan politik dalam masa 23 tahun. Kemudian usaha-usaha Nabi itu disambung oleh para sahabat yang lebih terkenal dengan nama “Khulafā’ al-Rashidīn”, sehingga dalam masa yang sesingkat-singkatnya berdirilah sebuah “Empayar Islam” yang mempunyai takluk jajahan yang luas di Timur dan di Barat.

Dalam buku “Nushāṭu al-Dawlatu al-Islāmīyah” (Pertumbuhan Negara Islam), pengarangnya Amīn Sa‘īd menerangkan bahawa negara Islam yang dibangunkan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) adalah memenuhi segala syarat-syarat yang diperlukan oleh sesuatu negara. Pada halaman 356 Amīn Sa‘īd menerangkan bahawa negara Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) itu sudah memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukun negara yang lengkap seperti berikut:

1. Ada peraturan dan undang-undang yang meliputi segala hukum yang sumbernya diambil dari al-Qur’ān al-Karīm.
2. Ada cara-cara pemerintahan yang teratur dengan penjaga keamanannya yang ditaati oleh seluruh rakyat dalam negeri.
3. Ada cara-cara perhubungan yang baik dilakukan ke luar negeri.
4. Ada pasukan<sup>1</sup> tentera yang melindungi segala peraturan dan undang-undang negeri.
5. Ada sumber kewangan yang membiayai keperluan negara untuk dalam dan luar negeri.
6. Ada rakyat yang mentaati segala undang-undang negeri.
7. Ada tanah air atau batasan daerah (sempadan) yang tetap.

Tegasnya segala syarat dan rukun yang diperlukan oleh sesuatu negara menurut pengetahuan zaman modern sudah dipenuhi dengan lengkapnya oleh negara Islam yang oleh Nabi Muhammad (S.A.W) dan juga oleh para Sahabat kemudian daripada wafatnya.

#### **Negara Islam sesudah zaman Sahabat:**

Negara Islam dalam zaman Nabi dan Sahabat,

masih suci dan masih sesuai dengan ajaran-ajaran Islam sejati; tetapi alangkah sayangnya setelah berlalunya zaman Sahabat, setelah teraju pemerintahan Islam dipegang oleh khalifah-khalifah Banī Umayyah, maka pemerintahan Islam hanya tinggal namanya sahaja, pada hakikatnya adalah bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya, sebagaimana yang diajar dan dipraktikkan (dilaksanakan) oleh Nabi Muhammad (S.A.W). Dari sejak itu hingga ke zaman ini tenggelamlah sudah Dawlah Islamiyyah atau negara Islam dalam erti kata yang sebenarnya.

#### **Negara Islam di abad kedua puluh:**

Walau bagaimana pun negara Islam yang sudah tenggelam dari sejak tiga belas abad itu, tetap selamanya menjadi idaman dan cita-cita seluruh umat Islam dari zaman ke zaman. Idaman dan cita-cita suci itu telah dipukul gongnya oleh seorang penyeru dan pembangun Islam yang ulung di abad kedua puluh ini, iaitu Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī dengan disokong oleh seorang pemimpin dan pembangun Islam bangsa Mesir yang tak asing lagi, iaitu Shaykh Muhammad Abduh.

Tegasnya abad yang kedua puluh adalah abad banggunya kembali cita-cita umat Islam untuk menegakkan negara-negara Islam. Boleh dikatakan belum pernah ada suatu zaman sejak dari zaman Nabi dan Sahabat, di mana cita-cita pembentukan negara Islam yang tulen sejati diambil perhatian oleh seluruh bangsa manusia, sebagaimana halnya dengan zaman yang kita berada sekarang ini.

Di abad yang kedua puluh, atau di zaman yang kita berada sekarang inilah dunia Islam mulai bergerak dan bangun kembali. Sebuah demi sebuah negara-negara yang sebahagian besar dari penduduk-penduduknya beragama Islam telah mengumumkan kemerdekaannya. Di antara negeri-negeri tersebut ada yang terus dapat menegakkan kedaulatannya setelah tamatnya Peperangan Dunia

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah pasukan.

yang Pertama (1918): seperti Turki, Mesir, Sa'udi Arabia dan Yaman; tetapi ada pula di antara negeri-negeri itu yang harus menunggu sampai selesainya Perang Dunia yang Kedua (1945), seperti Syria, Pakistan dan Libya. Bahkan selain dari itu ada pula di antaranya sampai ke hari ini terus-menerus berjuang untuk mencapai kemerdekaannya dari cengkaman kuku besi penjajah-penjajah Barat yang durjana.

#### **Ideologi Negara Islam:**

Cita-cita atau ideologi sesuatu negara Islam itu bukanlah terletak atas soal pengumuman bahawa agama rasmi yang dipakai oleh negara itu ialah agama "Islam" sebagaimana yang tercatat di dalam perlembagaan; tetapi dia adalah soal isi dan dasar yang dipakai serta cita-cita Islam yang didukung oleh negara itu sendiri, cita-cita Islam yang diajarkan dan pernah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) dan kemudian dilaksanakan oleh para Sahabat (Khulafā' al-Rashidīn), yang memegang teraju pemerintahan Islam sesudah wafatnya.

Sebab itu belumlah dapat kita akui bahawa negara-negara yang telah menganggap dan menamakan dirinya sebagai "Negara Islam" seperti Mesir, Iraq, Pakistan dan lain-lain lagi sudah sesuai dengan ideologi Islam yang sebenarnya, walau pun kepala negaranya seorang Islam. Inilah yang selalu meragukan fikiran dan mengacau fahaman orang terhadap sesuatu perjuangan yang menuju cita-cita mendirikan negara Islam. Mereka melihat kepada kenyataan-kenyataan yang sedang berlaku dalam negara-negara yang menamakan dirinya "Negara Islam" tetapi pada hakikatnya kosong dari ideologi Islam yang sebenarnya. Oleh sebab itu mereka kurang yakin bahawa ideologi Islam boleh dimasukkan ke dalam pemerintahan negeri.

Inilah yang menyebabkan mereka mentah-mentah menolak ideologi Islam, kerana melihat kepada kenyataan-kenyataan negara-negara Islam yang telah dibangunkan atas nama Islam tidak dapat menggunakan cita-cita Islam sebagai dasar pemerintahan negara.



Buku yang mengandungi 155 muka, kertas lichin susunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubungan dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kechuali surat cinta)

Harga sebuah \$2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen.

Alamat penerbit-nya ia-lah:  
QALAM  
356/358, GEYLANG ROAD,  
SINGAPORE 14.